

'Kompaun maksimum RM1 juta elak kesalahan berulang'

Oleh [Rafidah Mat Ruzki](#) - Disember 13, 2021 @ 7:00pm

fidahruzki@bh.com.my



Presiden MEF, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman

PUTRAJAYA: Cadangan mengenakan kompaun maksimum RM1 juta terhadap organisasi awam dan swasta yang melakukan kesalahan berulang hingga mencetuskan kluster COVID-19 beberapa kali disambut baik Persekutuan Majikan Malaysia (MEF).

Presidennya, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata cadangan itu wajar berikutan ada pesalah daripada syarikat besar yang tidak mengambil serius penalti terdahulu yang dikenakan terhadap mereka.

Katanya, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin juga memberi jaminan akan ada garis panduan memastikan kompaun RM1 juta itu tidak akan dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya.

Beliau berkata, Menteri Kesihatan juga sudah menjelaskan kadar kompaun untuk individu masih sama seperti diguna pakai dalam Ordinan Darurat sebelum ini iaitu RM10,000 dengan garis panduan yang ketat.

"Garis panduan itu bagi memastikan keadilan terhadap mereka yang tidak mampu, selain mengenakan nilai sesuai kepada mereka yang mengaut keuntungan besar, tetapi tidak menghiraukan prosedur operasi standard (SOP) dan negara.

"Kami berharap ini akan terpakai kepada pesalah berulang, sama ada di sektor awam mahupun swasta.

"Adalah amat penting untuk kerajaan mengeluarkan satu garis panduan jelas supaya hukuman berat dikenakan terhadap kesalahan kecil, manakala pesalah berulang dikenakan penalti lebih tinggi," katanya kepada BH, hari ini.

BH semalam melaporkan, syarikat dan agensi kerajaan yang melanggar SOP kawalan COVID-19 boleh dikenakan denda sehingga RM1 juta, selepas pindaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Khairy dilaporkan berkata, itu antara inti pati pindaan Akta 342 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, Khamis minggu depan, dengan menaikkan kadar maksimum kompaun daripada RM1,000 untuk pihak pertubuhan yang melakukan kesalahan.

Syed Hussain berkata, garis panduan yang jelas juga kritikal kerana sebelum ini ada penjaja dan peniaga burger dikenakan denda RM10,000 secara tidak adil mengikut Ordinan Darurat.

Beliau berkata, MEF berpendirian semua perkara diperkenalkan ini untuk melindungi rakyat dan negara.

Katanya, pengenalan langkah kawalan ketat dan SOP yang dilaksanakan kerajaan sepanjang pandemik menyebabkan semua pihak termasuk majikan, pekerja dan rakyat terjejas dengan pelbagai cabaran terutama kewangan serta tekanan mental ketika sekatan lebih dilaksanakan.

"Impak negatif pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini mengajar semua pihak mengenai daya maju sekatan dan kesan buruknya terhadap kemampunan ekonomi, pengangguran dan kesihatan mental masyarakat serta kepentingan mematuhi SOP ditetapkan pihak berkuasa.

"Tidak dinafikan majikan sangat bimbang dengan bayangan varian baharu COVID-19 terutama Omicron, yang akan menggagalkan usaha pemulihan perniagaan dan menyebabkan gangguan dalam rantai bekalan, sekiranya kita gagal mematuhi dengan ketat SOP ditetapkan kerajaan.

"Kita berharap pelaksanaan SOP diperketatkan, dos penggalak dan penjarakan fizikal, ekonomi kita boleh terus dibuka serta tiada lagi sekatan penuh seperti PKP dilaksanakan walaupun ada kemungkinan berlaku gelombang keempat jangkitan COVID-19.

"Justeru, adalah penting untuk semua pemegang taruh mematuhi SOP dan ia akan lebih senang dipatuhi dengan meminda kadar penalti dalam peruntukan undang-undang," katanya.